

26 JUN 1996

KAWASAKI MINAT KERJA SAMA DENGAN MALAYSIA DALAM INDUSTRI BERAT

Oleh: M. Jegathesan

GURUN, 26 Jun (Bernama) -- Kawasaki Heavy Industries, sebuah syarikat pembuatan sepenuhnya, berminat bekerja sama dengan Malaysia dalam industri-industri berteknologi tinggi untuk membawa negara ini ke dalam kumpulan negara-negara maju.

Takeshi Goto, yang dipinjamkan daripada Kawasaki kepada Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) sebagai pengurus kilang berkata: "Presiden Kawasaki Ohba Hiroshi tertarik dengan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengubah Malaysia menjadi negara perindustrian.

"Beliau (Ohba) berjanji kepada Dr Mahathir untuk memindahkan kepakaran teknikal Kawasaki kepada syarikat-syarikat Malaysia," beliau memberitahu Bernama, di sini hari ini.

Kawasaki yang berpangkalan di Jepun adalah pemimpin dunia dalam pengeluaran enjin, keluli, pembinaan kapal, penerbangan dan pengeluaran kelengkapan berkaitan tenaga.

Pada tahun 1995, Kawasaki, Diversified Resources Bhd dan Nisho-Iwai Corporation menandatangani satu memorandum persefahaman untuk memulakan pembinaan motosikal Malaysia yang pertama.

Projek motosikal nasional RM300 juta itu akan pada awalnya mengeluarkan 100,000 unit setahun dengan sasaran sebanyak 350,000 unit setahun dalam masa tiga hingga lima tahun pada permintaan didorong eksport di negara-negara membangun.

"Kami amat gembira menyertai di dalam usaha sama ini kerana ia akan memberikan Kawasaki peluang untuk memindahkan kepakaran pembuatan, pengeluaran dan pengurusannya di dalam sektor pembuatan," kata Takeshi.

Katanya sementara kemahiran pengeluaran pengendali-pengendali pengeluaran Modenas belum lagi dilihat, pasukan pengurusan tempatan itu dikepalai oleh orang yang berwibawa.

Sebelum sesebuah negara itu menjadi negara perindustrian, ia mestilah terlebih dahulu mampu bersaing dengan berkesan di pasaran antarabangsa, katanya, sambil menambah bahawa Kawasaki akan membantu Malaysia di dalam arah ini.

Takeshi berkata ciri-ciri penting Malaysia seperti kestabilan politik, kepimpinan berorientasikan pembangunan dan penduduk yang rajin adalah perkara-perkara utama yang menarik Kawasaki untuk melabur di negara ini.

"Yang pastiya, Kawasaki mahu meluaskan operasinya di Malaysia," tambah beliau. -- BERNAMA

JSM OS/sia